

## *Penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam Pengajaran Jenis-Jenis Ayat*

**Kamariah Abdul Rahim**

kamariah\_abd\_rahim@moe.edu.sg

**Siti Raihanni Selamat**

Sekolah Hai Sing Catholic  
siti\_raihanni\_selamat@moe.edu.sg

### *Abstrak*

Pelajar didapati kurang berminat untuk mempelajari aspek bahasa yang berkaitan dengan jenis-jenis ayat. Pelajar menganggap pelajaran ini membosankan. Hal ini kadangkala menjadi hambatan bagi pelajaran jenis-jenis ayat yang lebih berkesan dan bermutu. Bagi mengatasi masalah ini, satu kajian yang meneliti keberkesanan penerapan teori kecerdasan pelbagai dalam pelajaran jenis-jenis ayat telah dijalankan. Kertas ini akan mengetengahkan strategi-strategi penerapan kelapan-lapan kecerdasan iaitu visual-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis dalam pemilihan bahan dan aktiviti yang dijalankan sewaktu kajian pengajaran. Data yang bersifat kualitatif dikumpulkan melalui pemerhatian terhadap pelajar sewaktu pelajaran dijalankan. Respons serta gerak geri pelajar dicatatkan, dirakam dan kemudian dibincangkan. Maklum balas pelajar dan juga pemerhatian mereka turut dinilai. Dapatan kajian pengajaran menunjukkan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dapat meningkatkan keyakinan, kreativiti dan motivasi pelajar melalui pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan. Bagi guru pula, profesionalisme dapat dipertingkatkan selain menggalakkan inovasi dan penyelidikan dalam pengajaran dan pembelajaran.

#### **Kata kunci**

Teori Kecerdasan Pelbagai, Kajian Pengajaran, Jenis-Jenis Ayat

## **PENGENALAN**

Pembelajaran yang berkesan menjadi fokus dalam dunia pendidikan hari ini. Melalui maklum balas pelajar, mereka mendapati pembelajaran aspek bahasa amat membosankan dan guru mendapati sukar untuk menarik minat pelajar. Pelajar mudah hilang tumpuan lantas menyebabkan pengajaran yang kurang berkesan. Disebabkan pembelajaran pelajar menjadi tumpuan di dalam kelas, Kajian Pengajaran dilaksanakan untuk meninjau keberkesanan Teori Kecerdasan Pelbagai yang diasaskan oleh Howard Gardner (1983) dalam pengajaran dan pembelajaran jenis-jenis ayat.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Daripada pemerhatian guru, pelajar didapati kurang berminat untuk mempelajari aspek bahasa yang berkaitan dengan jenis-jenis ayat. Pelajar menganggap pelajaran berkaitan dengan jenis-jenis ayat membosankan. Hal ini kadang kala menjadi hambatan bagi pengajaran dan pembelajaran mengenai pembinaan jenis-jenis ayat yang lebih berkesan dan bermutu.

## **TUJUAN KAJIAN**

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan keupayaan pelajar untuk memahami dan menggunakan jenis ayat yang berbeza dalam konteks yang berbeza;
2. memantau keberkesanan penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai dalam pengajaran jenis-jenis ayat; dan
3. meningkatkan keyakinan, motivasi dan kreativiti pelajar sewaktu pelajaran berunsur bahasa.

## **KAJIAN LITERATUR**

Howard Gardner (1983) menyatakan bahawa manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan yang merangkumi pelbagai kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semulajadi. Jenis kecerdasan yang dikenal pasti adalah visual-linguistik, logik-matematik, visual-ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis. Gardner menjelaskan bahawa setiap kecerdasan adalah berasingan dan tidak saling bergantung. Seseorang mungkin lemah dalam sesuatu bidang kemahiran tetapi cemerlang dalam domain kecerdasan yang lain. Menurut beliau lagi, setiap individu mempunyai kelapan-

lapan kecerdasan tetapi pada darjah atau kadar yang berbeza-beza dari segi kekuatan dan kemahiran. Kecerdasan tersebut boleh dikembangkan menerusi pendidikan, pengalaman dan persekitaran.

Dapatan kajian oleh pendidik seperti Armstrong (2000), Berman (1998), Campbell et al. (1996), Jasmine (1996) dan Lazear (1991) menunjukkan aplikasi teori kecerdasan pelbagai dalam pendidikan berkeupayaan menyumbang kepada kejayaan pembelajaran pelajar di sekolah.

Menurut Jasmine (1996), unsur-unsur kecerdasan pelbagai boleh diintegrasikan dalam aktiviti pembelajaran bagi sesuatu mata pelajaran untuk mencapai objektif pembelajaran, di samping dapat memperkembangkan kecerdasan yang relevan dengan topik pembelajaran. Dalam mengintegrasikan unsur kecerdasan pelbagai, Jasmine (1996) menyatakan bahawa adalah perlu untuk memasukkan ke dalam rancangan pengajaran, jenis-jenis kecerdasan yang hendak diintegrasikan mengikut kesesuaiannya dengan topik yang diajar.

Kesimpulannya, Kecerdasan Pelbagai dapat membantu guru menjalankan pengajaran dan pembelajaran dengan lebih berkesan kerana memenuhi keperluan pembelajaran pelajar.

## **KAEDAH KAJIAN**

Kaedah kajian yang digunakan ialah kajian pengajaran. Kumpulan guru telah dibentuk bagi tujuan ini. Naib pengetua sekolah dan guru-guru dari jabatan lain telah dijemput dalam kajian yang dijalankan.

## **SUBJEK KAJIAN**

Subjek kajian yang terlibat merupakan 13 pelajar bahasa Melayu menengah 1 dari aliran ekspres. Penguasaan bahasa Melayu mereka di tahap sederhana dan baik.

## **INSTRUMEN KAJIAN**

Teori Kecerdasan Pelbagai merupakan instrumen utama dalam kajian ini. Pengajaran bagi topik jenis-jenis ayat ini telah dirancang dengan teliti untuk memastikan kelapan-lapan kecerdasan dapat diterapkan melalui bahan yang dipilih dan aktiviti yang dijalankan. Rujuk Jadual 1.

**Jadual 1: Penerapan Kecerdasan Pelbagai bagi Bahan dan Aktiviti**

No	Kecerdasan	Bahan / Aktiviti
1	visual-ruang	Peta minda digunakan sebagai set induksi untuk mengingat semula jenis-jenis ayat. Kuiz jenis-jenis ayat yang beranimasi ditunjukkan melalui slaid.
2	intrapersonal	Kuiz jenis-jenis ayat memerlukan pelajar menjawab secara individu. Pelajar menggunakan kad imbasan berwarna untuk menunjukkan jawapan kepada guru.
3	muzik	Lagu yang bertajuk Pokok. Berbentuk muzik video.
4	visual-linguistik	Muzik video yang bertajuk Pokok beserta liriknya dipaparkan kepada pelajar.
5	interpersonal	Pelajar bekerja secara berpasangan dan kemudian bekerja dalam kumpulan untuk melengkapkan tugas-tugas yang diberikan.
6	logik-matematik	Pelajar mengenal pasti jenis-jenis ayat, mengira jumlah jenis-jenis ayat yang berbeza bagi setiap teks- kemudian pelajar melukis graf menggunakan kertas graf. Pelajar membuat perbandingan dan perbincangan berdasarkan graf.
7	naturalis	Lagu dan gambar-gambar berunsurkan alam semula jadi digunakan sebagai bahan perbincangan.
8	kinestetik	Melakonkan senario-senario yang berbeza.

## PROSEDUR KAJIAN

Kajian pengajaran ini dilakukan secara kualitatif. Maklumat diperolehi melalui maklum balas yang diberi oleh setiap ahli kumpulan dicatat. Setiap ahli kumpulan telah diberikan tugas yang khusus. Maklum balas daripada pelajar juga diambil kira.

Kaedah kajian pengajaran yang digunakan melibatkan pemantauan reaksi dan respons pelajar kepada setiap strategi yang digunakan dalam pengajaran jenis-jenis ayat. Setelah kajian pengajaran selesai, guru yang mengajar, guru pemerhati dan orang yang berpengetahuan berbincang mengenai perkara-perkara yang telah diperhatikan. Fokus perbincangan berpusatkan pada reaksi dan respons pelajar ketika belajar. Hasil pemantauan reaksi dan respons pelajar inilah yang diteliti dan dianalisis untuk memastikan keberkesanan pengajaran yang dilaksanakan oleh guru.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Melalui pemantauan guru pemerhati, objektif pengajaran tercapai. Para pelajar dapat mengenal pasti jenis ayat dan menggunakan jenis ayat yang sesuai dengan senario yang diberikan. Pelajar-pelajar dapat melengkapkan peta minda dan menjawab soalan-soalan quiz dengan betul.

Berkaitan dengan reaksi dan respons pelajar pula, guru-guru pemerhati mendapati, pelajar-pelajar menumpukan perhatian di dalam kelas. Pelajar terlibat secara aktif dan memberi respons ketika disoal guru atau ketika rakan-rakan mereka bertanyakan soalan. Ada pelajar juga secara spontan bertanya soalan apabila kekeliruan timbul untuk mendapatkan penjelasan guru. Pelajar-pelajar juga merujuk kepada peta minda sewaktu menganalisis lirik Pokok untuk memastikan pilihan mereka betul.

Dapatan kajian juga menunjukkan, dari awal aktiviti pertama dimulakan, pelajar menunjukkan ketekunan untuk belajar. Aktiviti pertama melibatkan respons setiap pelajar untuk melengkapkan peta minda bersama-sama. Peralihan dari satu aktiviti ke satu aktiviti juga tidak tersekat-sekat. Pelajar tidak hilang tumpuan yang menyebabkan guru dapat meneruskan pelajaran dengan lebih efektif lagi. Pelajar dapat melengkapkan aktiviti-aktiviti yang di sediakan. Namun, diperhatikan sewaktu kerja kumpulan dijalankan, ada pelajar yang mendominasi perbincangan. Situasi ini mungkin timbul kerana ada pelajar mempunyai darjah kecerdasan yang lebih kuat dalam kecerdasan interpersonal atau logik-matematik.

Kesedaran pelajar juga dapat diperhatikan semasa aktiviti kerja kumpulan. Pelajar harus mengenal pasti jenis-jenis ayat, mengira jumlah jenis-jenis ayat yang berbeza di dalam teks yang diberikan kemudian melukis graf menggunakan kertas graf. Pelajar membuat perbandingan dan perbincangan berdasarkan graf. Pelajar dapat melihat penggunaan jenis-jenis ayat yang berbeza dan wujudnya perbezaan jumlah dari satu ayat berbanding dengan ayat yang lain dalam teks yang berlainan. Visual dalam bentuk graf memberi penerangan yang jelas. Pelajar mendapat ilmu baru dengan mengaplikasikan konsep matematik dalam pelajaran bahasa.

Melalui hasil kerja kumpulan, didapati pelajar dapat menggunakan jenis ayat yang sesuai dalam situasi yang berbeza. Pelajar juga dapat menilai hasil kerja rakan mereka dengan baik. Maklum balas dalam bentuk renungan pelajar juga diteliti. Dapatan menunjukkan Pelajar telah mempelajari empat jenis ayat. Mereka juga tahu bagaimana dan bila untuk menggunakan ayat-ayat itu. Para

pelajar juga aktif dalam pembelajaran kerana banyak aktiviti yang berbeza telah dijalankan. Mereka berasa seronok kerana banyak sesi interaksi yang melibatkan mereka secara langsung dalam pelajaran.

## KESIMPULAN

Penerapan Teori Kecerdasan Pelbagai terbukti berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran jenis ayat. Rancangan pengajaran yang telah dilakukan dengan teliti dan pemilihan strategi dan aktiviti untuk menerapkan kelapan-lapan kecerdasan dalam pelajaran berjaya meningkatkan keyakinan, motivasi dan kreativiti pelajar. Penglibatan pelajar secara aktif dalam pelajaran telah mengikis rasa bosan pelajar sewaktu pelajaran bahasa. Disebabkan pelajar terlibat sama dan memberi tumpuan pada pelajaran, mereka dapat menggunakan jenis-jenis ayat yang berbeza dalam konteks yang berbeza.

Melalui kajian pengajaran tersebut disarankan pelajar diberikan lebih waktu waktu untuk kerja berkumpulan agar mereka tidak kelam-kabut untuk menghabiskan tugas yang diberikan. Guru pemerhati juga menyarankan agar waktu pengajaran dipanjangkan ke tiga masa kerana banyak aktiviti yang diadakan untuk menerapkan kelapan-lapan kecerdasan.

Kesimpulannya, kajian pengajaran yang dijalankan mencapai matlamat yang disasarkan kerana guru lebih prihatin dengan profil pelajar, semasa membuat rancangan pengajaran. Dengan itu pengajaran dan pelajaran dapat dijalankan dengan lebih berkesan.

### *Nota*

Guru berikut turut terlibat dalam kajian yang dijalankan.

1. Zurianah Rahmat

## RUJUKAN

- Armstrong, T. (2000). *Multiple intelligences in the classroom* (2nd ed.). Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Campbell, L., Campbell, B. and Dickinson, D. (1996). *Teaching and learning through multiple intelligences*. London: Allyn & Bacon.
- Fang dan Kum-Eng (2010) Fang Yanping dan Kristine Kim-Eng Lee (2010), *Lesson Study and Instructional Improvement in Singapore*. Research Brief No. 10-001, 1-4

- Gardner, H. (1983). *Frames of mind: Theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books Inc.
- Helmeleya Mohd jamil dan Nuraishah Mahmood (2013), *Kajian Pengajaran: Meningkatkan kemahiran bertutur Berdasarkan gambar: Seminar Bahasa Melayu 2013*. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura.
- Jasmine, J. (1996). *Teaching with multiple intelligence*. Westminster: Teacher Created Materials.
- Lazear, D. (1991). *Seven ways of teaching: The artistry of teaching with multiple intelligences*. Palatin, IL: Skylight Publishing.
- Marsita Omar dan Roslinda Johari (2013), *Kajian Pengajaran: Keberkesanan Pembelajaran Kemahiran Lisan Berstruktur dan Penggunaan ICT bagi Penilaian Lisan: Seminar Bahasa Melayu 2013*. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura.
- Mohamad Hazman Othman (2013), *Kajian Pengajaran: Keberkesanan Penggunaan Teknik Anotasi untuk Menjawab Soalan Kefahaman Berbentuk Inferens dengan Sokongan Bukti: Seminar Bahasa Melayu 2013*. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura.
- Nur Fazalina Hussin dan Suriana Mohamed Bakri (2013), *Kajian Pengajaran: Penggunaan Pembelajaran Terarah Secara Kendiri dan Kolaboratif dalam Penulisan Karangan Naratif Menggunakan Simpulan Bahasa: Seminar Bahasa Melayu 2013*. Diterbitkan oleh Pusat Bahasa Melayu Singapura dan Unit Bahasa Melayu Kementerian Pendidikan Singapura.
- Suryani Atan, Nadira Mohamed Sidek, Taty Fairuwani Hamwal dan Iii Sakina Sarwan (2010), *Kajian Pengajaran: Penilaian Alternatif untuk Guru dalam Seminar Bahasa Melayu 2010, Pembudayaan Penilaian Alternatif dan ICT dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*, Unit Bahasa Melayu, Cawangan Bahasa Ibunda, Bahagian Perancangan dan Pembangunan Kurikulum,

## **SUMBER ELEKTRONIK**

- [http://web.usm.my/education/publication/APJEE\\_25\\_02\\_lkhsan%2520\(21-32\).pdf](http://web.usm.my/education/publication/APJEE_25_02_lkhsan%2520(21-32).pdf)  
[http://eprints.utm.my/11983/1/Kecerdasan\\_Pelbagai\\_Dikalangan\\_Kanak.pdf](http://eprints.utm.my/11983/1/Kecerdasan_Pelbagai_Dikalangan_Kanak.pdf)